

PH, Mahathir setuju

UM-5/1/2019 ml/6

Oleh **BADRUL ISA**
dan **FADZIL ZAINOL**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 JAN.**

PRESIDEN PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan pernah memberi kenyataan bahawa terdapat konspirasi dalam Pakatan Harapan (PH) untuk menghalangnya daripada menjadi Perdana Menteri selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Namun Ahli Parlimen Port Dickson itu menjelaskan, apa yang beliau maksudkan adalah terdapat elemen tertentu yang mungkin tidak bersetuju dengan pelan peralihan kuasa di antaranya dan Dr. Mahathir.

“Saya tidak pernah berkata begitu, berita palsu tidak akan

dilayan. Ia satu proses demokrasi. Apa yang penting PH bersetuju dan Dr. Mahathir dan saya telah bersetuju,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Majlis Presiden PH yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir di sini hari ini.

Sementara itu, dalam sidang akhbar tersebut, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi PH menjelaskan, perkara berkenaan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) perlu mengambil kira sensitiviti semua kaum.

Kata beliau, jika sensitiviti itu tidak diberi perhatian, kerajaan

tentunya tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat.

“Saya tak kata saya tolak (UEC), saya cuma kata ada sensitiviti dalam kalangan orang Melayu dalam perkara ini dan kita mengambil kira semua sensitiviti termasuk sensitiviti orang Cina dan orang India, orang Asli dan suku-suku kaum di Malaysia.

“Kita sensitif, jika kita tak sensitif maka kita tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat. Saya ingin mengingatkan kita semua bahawa kita mesti mengambil kira pandangan semua kaum tidak satu kaum sahaja,” tegas beliau.



ANWAR IBRAHIM